Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu

Nor Hashimah Jalaluddin
Junaini Kasdan

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Peribahasa Melayu merupakan alat yang dapat menggambarkan imaginasi puitis yang kaya dengan aspek retorik bukan sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah. Ia menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur aslinya (Asmah Haji Omar 1996). Bagi memastikan kelestarian penggunaan peribahasa ini, ia perlu dipelajari dan dihayati. Walau bagaimanapun, ia sudah mulai meluntur dalam masyarakat Malaysia, khususnya generasi muda. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran peribahasa Melayu, khususnya dalam kalangan pelajar remaja, sekaligus memberikan penjelasan fenomena yang berlaku. Lebih daripada 1,500 pelajar remaja terlibat dalam kajian ini dan didapati hampir 60.0% (894) pelajar gagal menguasai kemahiran peribahasa. Melalui kajian ini dapat dibuktikan bahawa faktor sosial pelajar remaja mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap penguasaan kemahiran tersebut. Hakikatnya, penguasaan bahasa Melayu pelajar remaja, yang berkaitan dengan makna tersirat masih lemah dan memerlukan perhatian yang serius.

MALAYSIAN YOUNG STUDENTS AND MALAY PROVERB.

Abstract

The Malay proverbs is used to describe the rhetorical richness of the poetic imaginations, relegating the fact that it is only beautifully written words. It describes the conceptual system of a language and cultural beliefs of the native speakers (Asmah Haji Omar 1996). To ensure its lifelongness, it should be studied and appreciated. However, its usage has begun to bleach in the Malaysian society, especially the young generation. Hence, this study is conducted to identify the proficiency level of the Malay proverbs, especially among young students, thus explained the phenomenon that occurs. More than 1,500 young students involved in this study and it reveals that it is nearly 60.0% (894) young students failed to mastery the skills of Malay proverbs. The study also reveals that the young students' social background have a significance correlations to their Malay proverbs' proficiency. In fact, the Malay language proficiency among the young students which is related to the implicature meaning is still weak and needs serious attention.

Pendahuluan

Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang 'tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas". Barisan kalimatnya yang teratur, ringkas dan padat, dengan erti yang tepat serta kias ibarat yang tajam sebenarnya mempunyai peranan tersendiri dalam kehidupan masyarakat Melayu (Abdullah Hussain 1995). Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan peribahasa sebagai "ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu, bidalan atau pepatah" (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Contohnya, seperti ikan kena tuba, air ditetak tak kan putus dan macam anak nakhoda kasap, hujung dapat pangkal lesap (Ismail Salleh 1990). Menurut Za'ba (1965), **peribahasa** ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya.

Abdul Razak Abdul Karim (1994) pula, menyatakan bahawa peribahasa ialah ayat atau urutan kata-kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Peribahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai peranannya yang istimewa, bukan sahaja memperkaya khazanah bahasa, bahkan lebih penting daripada itu memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir, dan kepekaan akal budi masyarakat pengguna bahasa itu sendiri (Awang Sariyan 1992). Ia telah sebati dengan kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman dan digunakan dengan meluas dalam kehidupan mereka sehari-hari khususnya dalam masyarakat Melayu dahulu. Keadaan ini adalah kerana kata-kata dalam peribahasa sedap didengar serta luas dan benar tujuannya. Kata-kata ini digunakan sebagai perbandingan, teladan dan pengajaran.

Peribahasa wujud kerana masyarakat Melayu mahu menyampaikan sesuatu makna secara analogi atau perbandingan. Masyarakat Melayu menggunakan peribahasa untuk memberi teguran, menyatakan hasrat hati dan melahirkan perasaan. Melalui rangkap kata yang disusun indah, mereka memuji, menyindir atau menegur dengan cara yang paling halus, tanpa menjatuhkan air muka individu tersebut tetapi memberikan kesan yang amat dalam.


Kini, penutur bahasa Melayu jarang menggunakan peribahasa dalam ungkapan sehari-hari mereka, bahkan ada kalanya tidak memahami maksud yang didukung oleh peribahasa tersebut. Menurut Goh Suzie (1998), aspek peribahasa semakin kurang dititikberatkan walaupun peribahasa merupakan salah satu elemen penting dalam kemahiran berbahasa. Penutur bahasa Melayu, khususnys remaja lebih selesa menggunakan bahasa slanga yang lebih popular walaupun ada kalanya memeritkan telinga, seperti "*tau tak pa*", daripada peribahasa "*tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata*", "*lu pikirlah sendiri*" daripada peribahasa "*tepuk dada tanya selera*", "*lagi mau tanya"* daripada peribahasa "*sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula*" atau "*sendiri mau tau lah*" daripada peribahasa "*sudah terang lagi bersuluh*".

Sekilas Kajian Peribahasa

Peribahasa telah sebati dengan kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman dan digunakan dengan meluas dalam kehidupan mereka sehari-hari khususnya dalam masyarakat Melayu dahulu. Hal ini kerana kata-kata dalam peribahasa sedap didengar serta luas dan benar tujuannya. Ungkapan yang terkandung dalam peribahasa digunakan sebagai perbandingan, teladan dan pengajaran. Za'ba (1965), dalam bukunya yang bertajuk *Ilmu Mengarang Melayu* turut menyentuh tentang keperihalan peribahasa. Beliau menyebut bahawa selain untuk menegur, memberi nasihat dan memperbaiki moral masyarakat, penggunaanya bukan sekadar memperlihatkan keindahan atau keanggunan bahasa tetapi lebih daripada itu menggambarkan keikhlasan penerimanya. Keadaan ini berbentuk sedemikian kerana peribahasa menghiasi percakapan, selalunya antara dua pihak.

Za'ba juga mengatakan bahawa semua peribahasa berasal daripada bahasa kiasan. Bahasa kiasan bertujuan untuk memberikan misalan kepada sesuatu perkara yang lain dan maksud tersirat dalam peribahasa yang dikiaskan itu. Bahasa kiasan kadang-kadang disampaikan secara terang-terangan. Dalam hal ini, Za'ba mengasingkan peribahasa mengikut jenis-jenisnya iaitu perumpamaan, bidalan, pepatah dan lain-lain. Rajah 7.1 menjelaskan kedudukan peribahasa dalam bahasa kiasan.

Rajah 7.1 Kedudukan peribahasa dalam bahasa kiasan.



Za'ba (1965) juga berpendapat bahawa untuk melakukan kajian terhadap bahasa Melayu, selok-belok bahasa dan masyarakat penutur bahasa Melayu itu sendiri hendaklah difahami terlebih dahulu. Kegagalan memahami bahasa atau masyarakatnya pasti menghasilkan tafsiran yang mengelirukan.

Selanjutnya Asmah Haji Omar (1996), melalui kajiannya yang bertajuk *Metaphors Of Anatomy As A Reflection Of Malay Cultural Belief* telah menjalankan satu kajian tentang aspek metafora yang berkaitan dengan

anatomi manusia yang menggambarkan cara masyarakat Melayu mengklasifikasikan bahagian-bahagian badan menurut aturan yang signifikan. Kajian tersebut juga menjelaskan tentang rasional di sebalik norma-norma dan tabu yang dikaitkan dengan bahagian-bahagian badan yang tertentu terutamanya di tempat-tempat antara bahu dan kepala serta di sekitar kaki.

Permasalahan Kajian

Peribahasa Melayu seharusnya diajarkan kepada murid-murid di sekolah supaya mereka dapat menikmati dan menghayati keindahannya, malah menggunakannya untuk melahirkan fikiran dan perasaan dengan tepat dan halus (Koh Boh Boon 1982) kerana peribahasa Melayu adalah elemen yang penting dalam kemahiran berbahasa. Namun begitu aspek peribahasa semakin kurang dititikberatkan. Remaja masa kini yang hidup dalam era sains dan teknologi, lebih selesa dengan bahasa yang dianggap moden yang tidak menggambarkan bahasa klasik dan unsur sastera lama. Peribahasa semakin jarang atau tidak digunakan, malah mungkin ada sesetengah peribahasa yang sudah menjadi begitu asing bagi mereka. Rahman Shaari (1993) pula berpendapat bahawa aspek peribahasa harus dianggap sebagai sama pentingnya dengan aspek-aspek lain dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana peribahasa hidup dan berkembang bersama-sama perkembangan bahasa secara keseluruhannya.

Persoalan ini turut diperkatakan oleh Edwar Djamaris (1985), yang menurutnya peribahasa terasa tidak begitu mendapat perhatian lagi. Hal ini mungkin disebabkan oleh anggapan bahawa peribahasa adalah suatu bahasa klise yang sering digunakan dan dihafal oleh orang-orang tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat. Mohd. Tajudin Abdul Rahman (1999) pula berpendapat bahawa ada segelintir penutur bahasa Melayu yang meragui sama ada peribahasa masih sesuai digunakan dalam keadaaan masyarakat sekarang. Begitu pula halnya dengan penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar/remaja di sekolah, yang sering menjadi tanda tanya. Goh Suzie (1998), melalui kajiannya, "*penggunaan peribahasa Melayu pelajar menengah*" mencatatkan bahawa pelajar kurang berminat dengan peribahasa kerana beranggapan peribahasa merupakan bahasa klise, tidak memahami peribahasa dengan baik, peribahasa sukar diingat atau dihafaz dan pengajaran peribahasa membosankan.

Batasan Kajian

Peribahasa Melayu penting dalam konteks peningkatan intelektualisme dan tamadun bangsa dengan merujuk kepada bahasa dan tamadun Melayu. Namun, penerimaan, penggunaan, dan pengguasaannya, khususnya dalam kalangan remaja Malaysia sangat kurang menggalakkan. Oleh itu, kajian kecil ini dilaksanakan bagi memenuhi tujuan yang berikut:

a. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar remaja
b. Menjelaskan penguasaan kemahiran peribahasa pelajar remaja berdasarkan ilmu pragmatik.

Data Dan Responden

Data kajian diperoleh daripada soal selidik yang dikemukakan kepada 1523 remaja tingkatan empat dari 15 buah sekolah di Malaysia yang dipilih berdasarkan sampel berkelompok (*cluster sampling*) mengikut zon/negeri, iaitu zon tengah (Seremban, Negeri Sembilan), zon timur (Kelantan), zon utara (Kedah), Sabah dan Sarawak. Kajian dijalankan dengan kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Daerah dan persetujuan sekolah yang terlibat. Secara keseluruhan, responden terdiri daripada 636 pelajar lelaki dan 885 pelajar perempuan. Seramai 57.6% (877) responden merupakan pelajar Melayu, 10.1% (154) pelajar Cina, 3.5% (54) pelajar India, 4.3% (66) pelajar Iban, 2.0% (30) pelajar Kadazan dan 22.5% (342) kaum-kaum lain seperti Bidayuh, Bajau, Murut dan Bisaya. Berdasarkan aliran kelas seramai 46.1% (702) pelajar aliran Sains, 408 (26.8%) pelajar aliran Sastera, 242 (15.8%) pelajar aliran perakaunan, 44 (2.8%) pelajar aliran Teknik, dan 127 (8.3%) pelajar aliran-aliran lain terlibat dalam kajian ini.

Soal selidik mengandungi: (i) soalan tentang latar belakang responden, termasuk jantina, lokasi, suku/kaum, dan aliran kelas, (ii) soalan yang berkaitan dengan pemboleh ubah sikap dan persepsi terhadap bahasa Melayu, dan (iii) ujian bahasa Melayu yang disesuaikan dengan kertas peperiksaan bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Soalan yang dikemukakan diambil dari soalan SPM bagi beberapa peperiksaan yang terdahulu. Salah satu bahagian dalam kertas soalan peperiksaan bahasa Melayu mewajibkan pelajar menjawab soalan yang berkaitan dengan kemahiran peribahasa. Pada umumnya, tiga soalan yang berkaitan dengan peribahasa dikemukakan. Oleh itu, kajian ini mengemukakan tiga ayat yang dapat dikaitkan dengan tiga peribahasa dan pelajar dikehendaki mengenal pasti peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut. Berikut ialah ayat yang dikemukakan:

i. *Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira, tetapi dia yang menanggungnya tetntulah berasa lebih perit lagi* (2 markah).
ii. *Jamal menikmati segala kemewahan yang disediakan oleh bapanya tetapi dia tidak gembira kerana tidak dibenarkan bergaul bebas sesuka hati seperti remaja yang lain* (2 markah).
iii. *Perbelanjaan kita hendaklah bersesuaian dengan pendapatan dan janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan* (2 markah).


Penguasaan Kemahiran Peribahasa Remaja

Pada umumnya, ketiga-tiga soalan tersebut menuntut pemahaman yang tinggi kerana ia berkaitan dengan makna tersirat. Bagi soalan (i), jawapan yang betul adalah "*berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*", jawapan bagi soalan (ii) adalah "*bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas*" manakala jawapan bagi soalan (iii) pula adalah "*ukur baju di badan sendiri*".

Secara keseluruhan, tahap penguasaan remaja berhubung dengan peribahasa adalah kurang memuaskan atau pada tahap lemah. Berdasarkan skor tertinggi 6 markah, kajian mendapati min penguasaan peribahasa Melayu remaja di negara ini adalah pada skor 2.2164, iaitu pada tahap sederhana dengan sisihan piawai 2.0164. Hasil pencerapan data juga menunjukkan bahawa 37.8% (551) remaja mendapat skor 0 markah, 26.5% (386) remaja mendapat skor 4 markah dan 6.3% (92) remaja mendapat skor tertinggi, 6 markah. Sejumlah 4.3% (63) remaja pula didapati tidak berminat untuk menjawab soalan yang dikemukakan.

Selanjutnya, berdasarkan kesesuaian pengelompokan tahap penguasaan peribahasa, iaitu lemah (0 markah hingga 2.0 markah), sederhana (2.1 markah hingga 4.0 markah) dan cemerlang (4.1 markah hingga 6.0 markah) , kajian ini melihat bahawa terdapat hanya 11.4% (173) remaja yang dikategorikan sebagai dapat menguasai kemahiran peribahasa dengan baik, 28.3% (431) remaja berada pada tahap sederhana dan 56.2% (856) remaja gagal menguasai peribahasa dengan baik. Bagi soalan (i), 59.0% (866) remaja dapat menjawab dengan betul, soalan (ii), hanya 15.8% (241) remaja dapat menjawab dengan betul dan soalan (iii), hanya 37.8% (576) remaja dapat menjawab dengan betul. Keseluruhan penguasaan peribahasa remaja berdasarkan soalan (i), (ii) dan (iii) dipaparkan dalam Rajah 7.2 yang berikut:

Rajah 7.2 Penguasaan peribahasa dalam kalangan remaja



Berdasarkan konteks ayat yang diberikan, remaja memerlukan pemahaman yang tinggi kerana penggunaan peribahasa dikaitkan dengan budaya. Namun begitu, hasil pencerapan data menunjukkan bahawa penguasaan peribahasa dalam kalangan remaja Melayu berhubung soalan yang dikemukakan juga rendah, iaitu 46.2% (390) remaja Melayu berada pada tahap tidak memuaskan. Keadaan ini menggambarkan orang Melayu yang mengetahui budaya Melayu juga tidak dapat menjawab soalan tersebut, apatah lagi kaum-kaum lain. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, ÷2(10) = 1.488E2, *p* (0.000) < *a* (0.05) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.1 turut membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara kaum dengan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja. Berdasarkan nilai V Cramer (w = 0.226), dapat dilihat bahawa pengaruh kaum terhadap tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan remaja adalah sederhana.

Jadual 7.1Pertalian antara kaum dengan tahap penguasaan peribahasa remaja

Jantina	Penguasaan (%)			Jumlah	χ^2	P	w
	C	S	L				
Melayu	14.6	39.2	46.2	844	1.488E2	0.000	0.226
Cina	2.2	14.2	83.6	134			
India	.0	14.0	86.0	50			
Iban	3.0	13.6	83.3	66			
Kadazan	13.8	27.6	58.6	29			
Lain-lain	12.3	17.1	70.7	334			

Berdasarkan Jadual 7.1, kajian ini mendapati bahawa hanya 2.2% (3) remaja Cina dan 3.0% (2) remaja Iban, 12.3% (41) remaja kaum-kaum lain dan tidak ada seorang pun remaja India yang dapat menguasai ketiga-tiga peribahasa Melayu yang dikemukakan, sekali gus memberikan gambaran bahawa mereka kurang menguasai peribahasa Melayu dengan baik. Kajin ini mencatatkan bahawa lebih daripada 85.0% remaja Cina dan India tidak dapat menguasai peribahasa Melayu. Hal tersebut dapat dimaklumi kerana budaya orang Melayu memang sangat jauh berbeza dengan budaya orang Cina dan India. Walaupun, dalam budaya mereka terdapat peribahasa, namun peribahasa tersebut tentunya sangat berkaitan dengan budaya dan kehidupan mereka, bahkan mungkin sangat mirip dengan budaya dan persikataran negara asal bahasa mereka, iaitu negara China dan India. Hakikatnya, untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan peribahasa, ia melibatkan gabungan antara ilmu semantik dan pragmatik. Menurut Leech (1983), hubungan antara tatabahasa dan pragmatik adalah hubungan yang saling melengkapi. Semantik lebih terikat pada rumus-rumus tatabahasa tetapi dalam ilmu pragmatik, bukan

kegramatisan ayat yang dicari tetapi unsur-unsur niat pengucapan yang mempunyai makna yang diberikan keutamaan.

Melihat kepada faktor jantina, kajian ini mendapati bahawa penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan remaja perempuan lebih baik daripada remaja lelaki. Hasil pencerapan data menunjukkan bahawa lebih ramai remaja perempuan, 15.3% (132) dapat menguasai peribahasa Melayu dengan baik, berbanding hanya 6.7% (40) remaja lelaki. Pertalian antara jantina dengan tahap penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan remaja digambarkan melalui Jadual 7.2 yang berikut.

Jadual 5.1Pertalian antara jantina dengan tahap penguasaan peribahasa remaja

Jantina	Penguasaan (%)			Jumlah	χ^2	P	w
	C	S	L				
Lelaki	6.7	27.6	65.7	595	31.820	0.000	0.148
Perempuan	15.3	31.0	53.7	862			

Hasil ujian Khi Kuasa Dua, ÷2(2) = 31.820, *p* (0.000) < *a* (0.05) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.2 membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara jantina dengan tahap penguasaan peribahasa remaja. Walau bagaimanapun, nilai ð (w = 0.148) menunjukkan bahawa pengaruh jantina terhadap tahap penguasaan peribahasa adalah kecil. Pada pengamatan penulis, hal tersebut berkaitan dengan kebiasaan membaca buku dalam kalangan remaja itu sendiri. Kajian ini mendapati remaja perempuan lebih ramai membaca buku berbanding dengan remaja lelaki. Data menunjukkan bahawa 60.3% (785) remaja perempuan suka membaca buku, berbanding hanya 39.7% (516) remaja lelaki. Kajian ini turut mendapati bahawa remaja aliran Sains (15.0%) lebih menguasai peribahasa Melayu berbanding dengan remaja dari aliran-aliran kelas yang lain. Hal ini sangat memungkinkan, kerana pada umumnya remaja yang ditempatkan dalam aliran Sains merupakan pelajar yang pintar. Walau bagaimanapun, jumlah 15.0% bukanlah suatu yang sangat membanggakan.

Selanjutnya, kajian ini melihat hubungan antara sikap dengan tahap penguasaan kemahiran peribahasa Melayu remaja. Hasil pencerakinan data menunjukkan bahawa pada umumnya sejumlah 12.6% (148) remaja yang mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu dapat menguasai kemahiran peribahasa Melayu dengan baik, dibandingkan dengan hanya 8.7% (25) remaja yang mempunyai sikap negatif. Yang pasti, lebih ramai remaja yang mempunyai sikap negatif terhadap bahasa Melayu (67.2%) lemah dalam penguasaan kemahiran peribahasa Melayunya, berbanding 56.5% (663) remaja yang mempunyai sikap positif. Pertalian antara sikap

remaja terhadap bahasa Melayu dengan penguasaan kemahiran peribahasa digambarkan melalui Jadual 7.3.

Jadual 7.3Pertalian antara sikap terhadap bahasa Melayu dengan tahap penguasaan peribahasa remaja

Sikap	Penguasaan (%)			Jumlah	χ^2	P	w
	C	S	L				
Positif	8.7	24.0	67.2	287	11.126	0.004	0.087
Negatif	12.6	30.9	56.5	1173			

Hasil ujian Khi Kuasa Dua, ÷2(2) = 11.126, *p* (0.004) < *a* (0.05) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.3 membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara sikap dengan tahap penguasaan peribahasa remaja. Walau bagaimanapun, nilai ð (w = 0.087) menunjukkan bahawa pengaruh sikap terhadap tahap penguasaan peribahasa adalah kecil.

Dilihat berdasarkan persepsi remaja terhadap bahasa Melayu, kajian ini juga mendapati bahawa remaja yang mempunyai persepsi yang tinggi terhadap bahasa Melayu lebih menguasai kemahiran peribahasa Melayu berbanding dengan mereka yang mempunyai persepsi yang rendah. Hasil pencerapan data menunjukkan bahawa 17.2% (77) remaja yang mempunyai persepsi yang tinggi dapat menguasai kemahiran peribahasa Melayu dengan baik, berbanding hanya 9.0% (40) remaja yang mempunyai persepsi yang rendah. Begitu pula sebaliknya, lebih ramai remaja yang mempunyai persepsi yang rendah terhadap bahasa Melayu, tidak dapat menguasai kemahiran peribahasa Melayu. Pertalian antara persepsi remaja terhadap bahasa Melayu dengan penguasaan kemahiran peribahasa digambarkan melalui Jadual 7.4.

Jadual 7.4: Pertalian antara persepsi terhadap bahasa Melayu dengan tahap penguasaan peribahasa remaja

Persepsi	Penguasaan (%)			Jumlah	χ^2	P	w
	C	S	L				
Rendah	9.0	25.6	65.4	442	25.702	0.000	0.094
Sederhana	9.8	32.2	58.0	571			
Tinggi	17.2	30.0	52.8	447			

Hasil ujian Khi Kuasa Dua, ÷2(4) = 25.702, *p* (0.000) < *a* (0.05) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.4 membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara persepsi dengan tahap penguasaan peribahasa remaja. Walau bagaimanapun, nilai ð (w = 0.094) menunjukkan bahawa pengaruh persepsi terhadap tahap penguasaan peribahasa adalah kecil.

Analisis Pragmatik

a) "*berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*"

Pada umumnya, 40.6% (592) remaja tidak dapat memberikan peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan suasana yang diberi, iaitu "*walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira, tetapi dia yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi"*. Dalam hal ini, kajian ini menemukan berbagai-bagai jawapan yang diberikan oleh remaja, antaranya:

- Sudah jatuh ditimpa tangga
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Berat mata memandang, berat lagi mata yang memikul
- Berat mata memandang, berat lagi bahu yang mengalas bebannya
- Beg berat dijunjungnya, berat lagi hati yang memikulnya
- Siapa makan cili, dia terasa pedas
- Berat yang memandang, berat lagi bahu memikul
- Sudah terhantuk baru tergadai
- Pedih mata memandang, berat lagi bahu memikul

Jika dilihat pada peringkat hal yang diutarakan, hanya maklumat logik sahaja yang dibekalkan oleh ilmu semantik. Di sinilah peranan pragmatik dengan ilmu kognitif dan pembentukan psikologi untuk mentafsirkan makna yang ingin disampaikan. Di peringkat ini akan muncul proses pembentukan spekulasi terhadap andaian-andaian yang munasabah bagi mesej yang diterima. Hasil daripada interpretasi semantik, remaja berjaya mentafsirkan ayat tersebut secara harfiah. Tetapi remaja harus mempunyai konteks yang mencukupi untuk mentafsirkan ayat tersebut dan menghubungkannya dengan peribahasa yang sesuai. Berdasarkan jawapan remaja, kajian ini mendapati bahawa pada umumnya remaja dapat mengenal pasti beberapa konsep penting dalam contoh ayat yang diberikan. Dari segi interpretasi semantik, remaja sudah dapat mentafsirkan makna harfiah frasa tersebut. Misalnya, dalam frasa "*kasihan atas nasib malang yang menimpa"*, remaja sudah dapat menginterpretasikan bahawa "*melihat orang dalam kesusahan*", dan secara implisitnya remaja dapat mengaitkan kesusahan dengan "sesuatu yang berat". Oleh itu, muncullah dalam minda mereka

"*berat sama dipikul...*", "*beg berat dijunjungnya...*", atau "*berat yang memandangnya...*". Mereka juga dapat mentafsirkan bahawa frasa "*yang menanggungnya*" merujuk kepada "*yang memikul*". Namun, disebabkan pengalaman minda mereka tidak merakamkan peribahasa "*berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*", maka mereka mengaitkan dengan sesuatu yang berkaitan dengan "berat", "bahu", "pikul" dan "junjung" yang terdapat dalam ensiklopedik pengalaman mereka. Justeru, lahirlah peribahasa "*beg berat dijunjungnya, berat lagi hati yang memikulnya*" atau "*berat mata memandang, berat lagi bahu yang mengalas bebannya*". Hal tersebut dapat dimaklumi kerana itulah pengalaman yang dilalui remaja, iaitu menggalas beg berat ke sekolah. Hakikatnya, remaja gagal untuk memberikan peribahasa yang tepat kerana pengalaman mereka dengan peribahasa tersebut sangat sedikit.

Berdasarkan kaum, kajian mendapati 71.6% (96) remaja Cina, 64.0% (32) remaja India dan 62.1% (41) remaja Iban tidak dapat memberikan peribahasa yang tepat untuk suasana yang digambarkan. Walau bagaimanapun, 68.5% (577) remaja Melayu dan 69.0% (20) remaja Kadazan tidak menghadapi masalah dengan peribahasa tersebut kerana berdasarkan pengamatan penulis, kelompok remaja ini sering menonton rancangan "*Bersamamu*" yang disiarkan melalui saluran TV3. Rancangan tersebut memaparkan kesusahan dan keperitan yang dialami oleh masyarakat, dan peribahasa "*berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*" diungkapkan untuk menggambarkan kehidupan mereka yang kurang bernasib baik. Hakikatnya, remaja sememangnya akan selalu terpengaruh dengan faktor persekitaran yang melatarbelakangi kehidupan harian mereka apabila bertembung dengan soalan yang mereka kurang tahu. Berhubung dengan soalan peribahasa tersebut, selain daripada remaja Cina dan India, hasil pencerapan data turut menunjukkan pelajar aliran Sastera juga kurang menguasai peribahasa tersebut. Hampir 60.0% (217) remaja aliran Sastera tidak dapat memberikan peribahasa tersebut dengan tepat, berbanding remaja aliran-aliran lain.

b) "*bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas*"

Soalan selanjutnya yang dikemukakan kepada pelajar ialah "*Jamal menikmati segala kemewahan yang disediakan oleh bapanya tetapi dia tidak gembira kerana tidak dibenarkan bergaul bebas sesuka hati seperti remaja yang lain"*. Pada umum, 83.5% (1,217) remaja tidak dapat memberikan peribahasa yang tepat untuk keadaan yang digambarkan. Antara contoh jawapan remaja yang paling hampir dengan peribahasa tersebut adalah seperti yang berikut:

- Ibarat seekor burung di dalam sangkar, mata bebas, badan terkurung
- Bagai burung di dalam sangkar
- Seperti burung di dalam sangkar
- Seperti burung di dalam sangkar, kaki diikat mata memandang
- Seperti menatang minyak yang penuh
- Sangkar yang cantik, burung tak bebas
- Ibarat burung dalam sangkar
- Ibarat seekor burung berada di sangkar emas
- Ibarat hidup di dalam sangkar
- Bagai burung di sangkar emas
- Ada mata tapi buta, ada mulut tapi bisu

Walaupun peribahasa yang diberikan oleh remaja menghampiri kepada peribahasa yang diperlukan, iaitu "*bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas*", namun pelajar masih tidak mendapatkan sebarang markah. Hakikatnya, jawapan remaja masih tergolong sebagai salah, sekali gus menggambarkan bahawa remaja tidak menguasai peribahasa tersebut. Berdasarkan kaum/etnik, hasil pencerapan data menunjukkan bahawa 82.0% (689) remaja Melayu, 94.8% (127) remaja Cina, 96.0% (48) remaja India, 95.5% (63) remaja Iban, 72.4% (21) remaja Kadazan dan 79.6% (266) remaja kaum-kaum lain tidak dapat memberikan peribahasa yang tepat untuk keadaan yang digambarkan.

Pada umumnya, peribahasa tersebut sering didengari oleh pelajar, namun mereka jarang memberikan perhatian kerana ia dianggap biasa dan mudah untuk diingat. Analisis makna peringkat semantik yang sangat terhad kepada bentuk logik memberikan klu kepada remaja bahawa kekayaan atau kemewahan tidak menjanjikan kebahagiaan kerana manusia juga memerlukan kebebasan. Berdasarkan klu yang diperoleh, remaja cuba pula menginterpretasikan makna tersebut kepada makna implisit yang terkandung dalamnya. Kognisi remaja dapat menerima bahawa "*kemewahan*" selalu dikaitkan dengan emas atau wang ringgit, manakala "*tidak dibenarkan bergaul bebas*" merujuk kepada hidup yang terkurung atau terkongkong. Berdasarkan pengalaman masa lalu remaja, mereka dapat mengaitkan pula "hidup terkongkong" lebih sinonim dengan "*sangkar*". Namun, tidak ramai remaja yang dapat mengaitkan "emas" dengan "sangkar" kerana dalam kehidupan seharian, mereka tidak pernah menjumpai sangkar emas.

Bagi pemikir Melayu, pengalaman tidak hanya bererti pengalaman inderawi semata-mata, namun termasuk juga pengalaman dalaman atau pengalaman 'mental' dan renungan atau intuisi yang mencapai kemuncak abstraksinya yang tinggi. Hakikatnya, hal inilah yang tidak dapat dilakukan remaja. Mereka sukar mengaitkan pengalaman mereka dengan dunia nyata yang mereka lalui setiap hari. Selanjutnya, frasa *bebas sesuka hati* pula

sering diumpamakan seperti burung kerana burung merupakan makhluk yang bebas berterbangan ke mana-mana. Berdasarkan semua klu yang dapat dikumpulkan, remaja akhirnya merumuskan peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan keadaan yang dikemukakan sebagai "*ibarat hidup di dalam sangkar*", "*sangkar yang cantik, burung tak bebas*", dan "*ibarat seekor burung di dalam sangkar, mata bebas, badan terkurung*". Namun, peribahasa bukan sekadar perumusan dari klu-klu yang terkumpul. Peribahasa hadir sebagai satu kesatuan dan ia perlu dipelajari, dihafal, difahami dan dituturkan sesuai dengan konteksnya. Hal inilah yang tidak dilakukan remaja pada hari ini, sehingga mereka tidak dapat menguasai peribahasa Melayu dengan baik.

Berdasarkan aliran kelas, 79.1% (539) remaja aliran Sains, dan hampir 90.0% remaja aliran-aliran lain termasuk aliran Sastera, Perakaunan dan Teknik tidak dapat memberikan peribahasa lengkap sebagaimana yang diperlukan, iaitu "*bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas*". Walaupun remaja dapat memberikan sebahagian daripada peribahasa tersebut, namun tiada sebarang peruntukan markah diberikan. Hal ini sangat berbeza dengan kaedah pemarkahan bagi mata pelajaran lain, seperti sains, sejarah atau geografi.

a) **"*ukur baju di badan sendiri*".**

Hasil pencerakinan data menunjukkan 60.5% (882) remaja tidak dapat memberikan peribahasa yang tepat untuk menggambarkan keadaan yang diberikan dalam soalan (iii), iaitu "*perbelanjaan kita hendaklah bersesuaian dengan pendapatan dan janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan*". Antara contoh peribahasa yang diberikan oleh remaja adalah seperti yang berikut:

- Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna lagi
- Berjimat cermat membawa berkat
- Alang-alang menyeluk perkasam, biar sampai ke pangkal lengan
- Buat baju biarlah sesuai badan sendiri
- Beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis
- Kain panjang sejengkal, lautan cetek jangan diduga
- Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit
- Ukir baju dengan saiz badan
- Bagai mencurah air di daun keladi
- Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang

Dari segi interpretasi semantik, pada umumnya remaja sudah dapat mentafsirkan makna harfiah bagi ayat tersebut. Bagi remaja, frasa

"*bersesuaian dengan pendapatan*" dapat dengan mudah diberikan makna "*mengikut kemampuan*". Oleh sebab frasa tersebut mengandungi makna tersirat, maka remaja perlu mentafsirkan makna implisit yang terkandung di dalamnya dengan lebih lanjut agar dapat dipadankan dengan peribahasa yang sesuai.

Berdasarkan maklumat yang dibekalkan melalui frasa tersebut, ia sangat berkaitan dengan "*ukuran*". Namun, remaja tidak dapat mengaitkannya dengan kata tersebut, bahkan ada juga remaja yang mengaitkannya dengan "*berjimat cermat*". Dari situ, remaja mengaitkan semua pengalaman ensiklopediknya yang berkaitan dengan peribahasa, khususnya yang mengandungi kata "*ukuran*". Hakikatnya, mereka sukar untuk menemukannya kerana dalam kehidupan seharian, mereka tidak biasa terdedah dengan peribahasa. Oleh itu, muncullah pelbagai andaian peribahasa dalam minda mereka, termasuk "*kain panjang sejengkal, lautan cetek jangan diduga*". Ada juga remaja yang dapat mengaitkan "*ukuran*" dengan "*badan*" dan "*baju*". Klu tersebut dimanfaatkan oleh remaja untuk mendapatkan peribahasa yang sesuai, sehingga mereka menemukan "*ukir baju dengan saiz badan*" dan "*buat baju biarlah sesuai badan sendiri*".

Dilihat berdasarkan kaum/etnik, kajian mendapati bahawa 82.1% (110) remaja Cina, 88.0% (44) remaja India, 81.8% (54) remaja Iban, 69.0% (20) remaja kaum-kaum lain tidak dapat memberikan peribahasa yang dikehendaki. Bagi pelajar Melayu pula, jumlah 53.0% (446) remaja yang dapat menjawab bukanlah suatu yang dapat dibanggakan kerana jumlah tersebut masih dianggap kecil. Kajian juga mendapati 68.8% (408) remaja lelaki dan 68.3% (526) remaja luar bandar tidak dapat mengungkapkan peribahasa "*ukur baju di badan sendiri*" bagi mewakili frasa "*perbelanjaan kita hendaklah bersesuaian dengan pendapatan dan janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan*". Dengan kata lain, penguasaan remaja terhadap kemahiran peribahasa masih sangat terbatas. Hakikatnya, penguasaan bahasa Melayu remaja, yang berkaitan dengan makna tersirat masih lemah.

Kesimpulan

Walaupun hanya tiga peribahasa yang yang diujikan kepada pelajar, hakikatnya inilah secebis gambaran tahap penguasaan kemahiran peribahasa pelajar remaja hari ini. Tahap penguasaan kemahiran peribahasa dalam kalangan pelajar remaja ini pada asasnya sangat dipengaruhi oleh persekitaran mereka yang sudah mula memencilkan peribahasa Melayu. Justeru, langkah yang lebih positif perlu difikirkan bersama untuk memperbaik keadaan, sekali gus mengembalikan nilai budaya Melayu agar tetap dicintai dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Kajian yang lebih konprehensif perlu dilakukan, khususnya yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran peribahasa dalam kalangan rakyat Malaysia. Diharapkan kajian ini dapat memberikan input yang berguna kepada para penyelidik yang berminat untuk mengkaji serta memahami aspek peribahasa.

Rujukan

Abdul Razak Abdul Karim. (1994). *Rujukan Lengkap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdulah Hussain. 1995. *Kamus istimewa – Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1996. Metaphors of anatomy as a reflection of Malay cultural belief, *Jurnal Bahasa Jendela Alam* **Jilid 1.**

Awang Sariyan. 1992. dalam Mohd Adnan Mohd Ariffin. *Tikaman Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Edwar Djamaris. 1985. Memahami dan menghargai peribahasa, *Jurnal Dewan Bahasa* **Jilid 29 (5)** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Goh Suzie. 1998. Penggunaan peribahasa Melayu pelajar menengah. *Jurnal Dewan Bahasa* **Jilid 42(2)**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Salleh. 1990. Penggolongan peribahasa dan simpulan bahasa serta hubungannya dengan pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu, *Jurnal Dewan Bahasa* **Jilid 34(6)**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh Boh Boon. 1982. Pengajaran peribahasa Melayu, *Jurnal Dewan Bahasa,***Jilid 26(3)**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leech, G. 1983. *Principle of pragmatics*. London: Longman.

Mohd. Tajudin Abdul Rahman. 1999. Pengajaran-pemelajaran peribahasa dan kesimpulan bahasa – asas-asas pertimbangan. *Jurnal Dewan Bahasa*. **Jilid 43(6).** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahman Shaari. 1993. *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Za'ba. 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.